



JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA (Mdi)

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS Mdi TERHADAP ARTIKEL UTUSAN MALAYSIA BERTARIKH 30 MEI 2021 BERTAJUK KES MUFLIS NAIK

Jabatan Insolvency Malaysia (Mdi) merujuk kepada artikel Utusan Malaysia bertarikh 30 Mei 2021 dan menyatakan bahawa terdapat sedikit kesilapan yang telah dilaporkan oleh pihak Utusan Malaysia di perenggan berikut:

“Jumlah individu diisytihar muflis meningkat lebih lima kali ganda dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini berbanding Oktober hingga Disember tahun lalu susulan penularan Covid-19 yang menyebabkan ramai hilang punca pendapatan”.

Berdasarkan rekod Jabatan ini, jumlah kes kebangkrutan yang telah direkodkan selepas moratorium berakhir pada tahun lepas adalah sebanyak 933 kes bagi bulan Oktober, 419 kes bagi bulan November dan 711 kes bagi bulan Disember 2020. Manakala, pecahan kes yg direkodkan bagi tahun 2021 bulan Januari ialah 459 kes, bagi bulan Februari 445 kes dan 960 kes bagi bulan Mac.

Namun begitu, jumlah kes kebangkrutan yang direkodkan ini tidak menggambarkan kesan sebenar kepada pandemik COVID-19 ini. Sebelum seseorang dibankrapkan, pemiutang (pempetisyen) dalam keadaan ini perlu melalui beberapa peringkat dan prosedur undang-undang yang panjang sebelum Perintah Kebankrapan dijatuhkan di Mahkamah ke atas penghutang (bankrap).

Tambahan pula, jika Mdl membuat perbandingan pada jumlah kes kebangkrapan bagi bulan Januari dan Februari 2021, ianya adalah lebih rendah berbanding bulan Januari dan Februari 2020. Manakala bagi bulan Mac 2021, kes kebangkrapan yang direkodkan adalah sebanyak 960 dibandingkan dengan 438 kes pada bulan Mac 2020. Ini adalah memandangkan pada tahun 2020 bermula 18 Mac negara telah diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Mahkamah seluruh negara tidak beroperasi.

Justeru, adalah disimpulkan bahawa berdasarkan statistik Jabatan ini, tidak ada rekod yang menunjukkan jumlah individu diisytihar bankrap meningkat lebih lima kali ganda susulan penularan COVID-19 sebagaimana yang dinyatakan oleh artikel Utusan Malaysia tersebut.

Sekian, terima kasih.

JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA

2 Jun 2021